

BH 25 JUN 1990

Jangan biarkan pembangkang berbohong: Dr M

NIBONG TEBAL, **Ahad** Datuk Seri Dr Mahathir **Mohamad** berkata, pemimpin pembangkang tidak boleh dibiar bermaharajalela membohongi rakyat. Sebaliknya perbuatan mereka harus disekat kerana pembohongan mereka itu sekiranya dapat mempengaruhi rakyat akan mengancam masa depan negara.

Perdana Menteri berkata, sekiranya hasrat pembangkang, khususnya DAP, Semangat 46 dan Pas menubuhkan kerajaan tercapai, nasib negara dan rakyat tidak akan selamat.

"Ini kerana mereka bukan berjuang untuk mem-bela rakyat, tetapi semata-mata untuk kepentingan sendiri," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan rakyat di Sungai Setar dekat sini, hari ini. Hampir 10,000 orang ha-

dir di perhimpunan itu, antaranya ialah Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim; Timbalan Menteri Kesihatan, Senator Mohd Farid Ariffin; Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Perdana Menteri berkata, bagaimana orang seperti Lim Kit Siang boleh menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang kerana beliau sendiri melihat orang Melayu macam semut, tidak punya tempat.

"Apakah pembohong seperti Kit Siang mahu dijadikan pemimpin Melayu seperti yang dilaung-laungkan oleh Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah," katanya.

Sehubungan itu, beliau menegur Tengku Razaleigh kerana sanggup "menjual" Pulau Pinang

kepada DAP dengan harapan DAP membantunya menjadi Perdana Menteri.

Beliau bertanya apa akan jadi sekiranya Tengku Razaleigh tidak menjadi Perdana Menteri, sebaliknya Lim Kit Siang menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Sudah pasti nasib Melayu negeri ini bertambah buruk.

"Bagaimanapun, itu semua tidak dipedulikan oleh Tengku Razaleigh. Beliau sanggup melakukan apa saja asalkan hasratnya menjadi Perdana Menteri tercapai," katanya.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa pembangkang akan meniup api kemarahan di kalangan mereka supaya membenci kerajaan. Ini akan menyebabkan rakyat berubah pendirian dan mengundi uembanakanr.